

**NGO Buat Laporan Polis Bantah Perhimpunan Oren
Bernama
13 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 13 Julai (Bernama) -- Sebuah badan bukan kerajaan (NGO) membuat laporan polis berhubung hasrat Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) untuk mengadakan perhimpunan 'Oren' di ibu negara, Sabtu.

Naib Presiden Badan Generasi Prihatin 3R 1Malaysia, Fidel Firaidi Mustafa berkata laporan polis itu dibuat kerana mahu menjaga kepentingan awam dan tidak mahu sesuatu yang buruk berlaku.

"Saya amat berharap supaya polis mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menghalang perhimpunan tersebut.

"Kita tidak mahu negara kita terus dicemari dengan demonstrasi jalanan yang akan merosakkan nama negara dan juga Felda," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar, di sini pada Jumaat.

Bendahari pertubuhan itu, Mansor Ahmad pula meminta supaya Anak membuat kajian dahulu sebelum mengadakan perhimpunan tersebut.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680370>